

MODUL 2

5.

Perlu juga ditekankan, hal ini bukan tentang diri saya semata-mata. Bukan kerana saya inginkan sangat wang berjumlah 27 juta itu. Tidak juga saya inginkan publisiti, tidak. Saya menyaman sebenarnya atas matlamat yang lebih utama yakni untuk memberi amaran kepada para pengendali pengangkutan awam seluruhnya. Saman ini adalah tentan penumpang-penumpang individu kecil melawan syarikat korporat pengangkutan awam gergasi.

(Dipetik daripada cerpen Res Judicata karya Aidit Khalid)

Nyatakan **satu** persoalan berserta contoh yang terdapat dalam petikan di atas.

[4 markah]

6.

‘Sauki pun tak patut membiarkan isterinya yang menasihati aku, ‘ bisik Pak Yasok. Patutnya Sauki sendiri yang cakapkan. Tapi Pak Yasok tahu Sauki tidak akan tergamak nak ucapkan itu pada dirinya. Sauki, Sulida dan Naemah semuanya masuk sekolah hingga ke university dengan duit hasil wayang kulit.

(Dipetik daripada cerpen Air Mata Dalang karya Rahimidin Zahari)

- a) Nyatakan **satu** teknik plot yang terdapat dalam petikan di atas. [2 markah]
- b) Berikan contoh teknik plot yang terdapat dalam petikan tersebut. [2 markah]

5. Berdasarkan cerpen Bukit Emas oleh Mufidah Hanum Yusuf;

- a) Huraikan **empat** nilai murni yang terdapat dalam cerpen ini. [8 markah]
- b) Nyatakan **tiga** tujuan Sahatdan penduduk kampung mahu mempertahankan Bukit Emas. [6 markah]
- c) Tulis sebuah cerpen bertemakan Kepentingan Alam Semulajadi. Panjangnya sambungan cerpen yang anda tulis hendaklah lebih kurang **80** patah perkataan. [8 markah]

